

ABSTRAK

Penghayatan dan khusyuk ketika solat sangat penting bagi memastikan solat kita diterima dan mendapat keredaan Allah S.W.T. Penghayatan ini mampu diperolehi apabila kita cuba untuk memahami dengan sebenar cara bacaan dalam solat dan juga pergerakan dalam solat. Namun segelintir pihak kebanyakan masih tidak dapat memahami dan menghayati bacaan dalam solat mereka ketika mengerjakan ibadah tersebut khususnya dikalangan mahasiswa-mahasiswa universiti. Seterusnya, Apakah yang dimaksudkan dengan bacaan dalam solat ketika mengerjakan ibadah solat? Oleh itu, Objektif kajian ini adalah untuk mengetahui sejauhmanakah penelitian, kefahaman dan juga penghayatan terhadap bacaan dalam solat dalam kalangan mahasiswa Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK). Kajian ini adalah lebih kepada kajian kuantitatif. Pengumpulan data dilakukan dengan memberikan borang soal selidik dan melalui data-data yang diperolehi, pengkaji akan menganalisa data-data tersebut dengan menggunakan aplikasi perisian *Statistic Package For The Social Science (SPSS)*. Selain itu juga, pengkaji turut menggunakan metod kajian kepustakaan iaitu membuat analisa dan pembacaan terhadap bahan-bahan penerbitan seperti buku, jurnal, artikel, tesis, serta rujukan internet yang berkaitan. Hal ini bertujuan untuk memastikan pengkaji memahami setiap istilah atau konsep secara menyeluruh mengenai perkara yang ingin dikaji. Kesimpulannya, Kajian ini telah menjawab ketiga-tiga objektif kajian tersebut. Hasil mendapati bahawa majoriti pengetahuan mahasiswa FSSK terhadap bacaan dalam solat melalui penelitian, kefahaman dan juga penghayatan mereka terhadap bacaan solat berada pada tahap sederhana sahaja. Hal ini disebabkan oleh mahasiswa FSSK kurang untuk mempelajari dan mendalami sendiri perkara-perkara agama khususnya berkaitan dengan bacaan dalam solat yang menjadi punca utama berlaku perkara sedemikian. Oleh itu, antara implikasi kajian ini adalah untuk membuka minda mahasiswa agar sentiasa mengambil berat untuk menambahbaik ibadah solat mereka. Selain itu juga, kajian ini dapat membantu pihak universiti dalam melahirkan mahasiswa yang cemerlang dalam akademik dan sahsiah. Di mana jika dilihat sahsiah itu sangat berkait rapat dengan pembentukan peribadi. Sekiranya nilai solat yang dilaksanakan itu mencapai kepada penghayatan yang mendalam sekaligus akan membantu untuk membentuk peribadi muslim yang baik dalam diri mahasiswa. Dan Akhir sekali, kajian ini juga mampu untuk menjadi sumber rujukan dan bahan bacaan akademik kepada mahasiswa-mahasiswa dan orang awam.